



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 35 TAHUN 2005**

---

#### **PERUBAHAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan untuk mengubah syarat lantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan Sijil Veterinar yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2004 oleh Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan sebagai setaraf dengan kelayakan Sijil Institut Pertanian (SIP) daripada Institut Pertanian, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Jabatan Pertanian Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak. Selaras dengan pengiktirafan tersebut, perbekalan syarat lantikan skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26 diubah sewajarnya bagi memasukkan kelayakan berkenaan sebagai salah satu syarat lantikan yang baru.

## **SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU VETERINAR**

3. Syarat lantikan baru ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar adalah seperti berikut:-

(i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau

(ii) Sijil Veterinar daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8)

4. Skim perkhidmatan Pembantu Veterinar yang diubah adalah seperti di [Lampiran A](#). Format iklan bagi urusan pengambilan ke perkhidmatan tersebut serta penghuraian tugasnya adalah seperti di [Lampiran B](#) dan [C](#). Jadual Gaji Matriks bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di [Lampiran D](#), [D1](#) dan [D2](#).

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Tarikh kuat kuasa syarat lantikan baru ke skim perkhidmatan Pembantu Veterinar Gred G17, G22, G26 adalah mulai **1 Januari 2004**.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

6. Selaras dengan pengiktirafan kelayakan Sijil Veterinar yang dikeluarkan mulai 1 Januari 2004 oleh Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan sebagai setaraf dengan kelayakan SIP, maka gaji permulaan bagi Pembantu Veterinar Gred G17 ditetapkan seperti berikut:

(a) lantikan baru Pembantu Veterinar Gred G17 dengan kelayakan Sijil Veterinar daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan pada atau selepas 27 Disember 2005 iaitu tarikh pekeliling perkhidmatan ini dikeluarkan ditetapkan di matagaji P1T8: RM939.44;

- (b) Pembantu Veterinar Gred G17 yang dilantik pada 1 Januari 2001 dan sedang berkhidmat serta memiliki kelayakan Sijil Veterinar yang dikeluarkan pada 1 Januari 2004 oleh Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan ditetapkan di matagaji permulaan baru P1T8: RM939.44; dan
- (c) Pembantu Veterinar Gred G17 yang sedang berkhidmat serta memiliki kelayakan Sijil Veterinar yang dikeluarkan sebelum 1 Januari 2004 oleh Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan tidak terlibat dengan penetapan matagaji permulaan baru P1T8: RM939.44.

### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

- 7. Pergerakan gaji tahunan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai hendaklah diberi di gred asal terlebih dahulu sebelum diselaraskan ke gred baru.

### **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

- 8. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelarasan gaji ke matagaji permulaan baru. TPG baru ialah mulai 1 Januari tahun berikutnya.
- 9. Contoh kaedah pelarasan ke matagaji permulaan baru bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di [Lampiran E](#).

### **HADIAH PERGERAKAN GAJI**

- 10. Pembantu Veterinar Gred G17 yang dilantik dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta memiliki kelayakan Sijil Veterinar yang dikeluarkan selepas 1 Januari 2004 oleh Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan layak diberi Hadiah Pergerakan Gaji (HPG) mengikut peruntukan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1995.

## **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuatkuasanya skim perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Veterinar yang berkuat kuasa mulai 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dibatalkan dan digantikan dengan skim perkhidmatan dalam pekeling perkhidmatan ini.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATO' SRI ISMAIL ADAM )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

27 Disember 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan